

Rombongan Dr. Mahathir tiba di Korea Selatan

SEOUL, Isnin.— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah tiba di sini hari ini untuk lawatan enam hari ke Korea Selatan.

Ketibaan mereka disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Korea Selatan, Encik Shih Byong Hyun dan isterinya.

Turut menyambut rombongan Malaysia seramai 20 orang itu ialah Menteri-Menteri Kabinet Korea, para pegawai kanan kerajaan dan duta Malaysia di sini, Encik Noor Adlan Yahyauddin.

Datuk Seri Dr. Mahathir akan

menemui Encik Shih bagi rundingan secara umum mengenai kerjasama ekonomi antara kedua negara lewat hari ini selepas mendengar taklimat tentang ekonomi Korea Selatan. Encik Shih ialah juga Menteri Lembaga Perancang Ekonomi Republik tersebut.

Rundingan peringkat pegawai mengenai kerjasama perdagangan dan perindustrian dua hala akan diadakan esok selepas Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengunjungi rakan sejawat Koreanya, Encik Suh Suk Joon.
— Bernama.